



قجابه فربندهاران نكري كلتن
**PEJABAT PERBENDAHARAAN
NEGERI KELANTAN**
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429
Bendahari Negeri : 09-7483484
Fax No : 09-7487113
E-mail : treasury@kelantan.gov.my
Web site : www.pkn.kelantan.gov.my

Ruj. Kami: PKN.A.7/1-1/Jld.5 (45)
Bertarikh : 01 Rabiulakhir 1447H
23 September 2025M

Ke Majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Urusetia Kerajaan Negeri

YBM Tengku/ YAA Dato'/ YB Dato'/ YABhg. Dato'/ YM Tengku/ Tuan/ Puan,

**PEMAKAIAN PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA WP 1.1: TUNTUTAN
ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN UNTUK PASANGAN YANG MENGIRINGI
PEGAWAI BAGI MENGHADIRI MAJLIS RASMI (KUAT KUASA 01 APRIL 2022)
DENGAN PINDAAN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 1.1 - Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Untuk Pasangan Yang Mengiringi Pegawai Bagi Menghadiri Majlis Rasmi (Kuat Kuasa 1 April 2022) mulai 01 Oktober 2024 dengan pindaan sebagaimana di **Lampiran A**.

3. Pemakaian pekeling ini sekaligus **membatalkan** Surat Pekeliling Am Negeri Bilangan 2 Tahun 2012 - Pembiayaan Tiket Kapal Terbang Kepada Pasangan (Suami/Isteri) Yang Mengiringi Pegawai Untuk Majlis Diraja dan Surat Pekeliling Am Negeri Bilangan 1 Tahun 2015 – Pindaan Kelulusan Bagi Pembiayaan Tiket Kapal Terbang Kepada Pasangan (Suami/Isteri) Yang Menghadiri Majlis Diraja Di Luar Kelantan.

4. Pekeling ini boleh dimuat turun melalui laman web <https://ppp.treasury.gov.my/> dan dibaca bersama kandungan pindaan di <https://pkn.kelantan.gov.my/> .

Kerjasama dan perhatian YBM Tengku/ YAA Dato'/ YB Dato'/ YABhg. Dato'/ YM Tengku/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI DIBERKAT, RAJA BERDAULAT"

Saya yang menjalankan amanah,

DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN, S.P.S.K, P.M.K (Kelantan)
**PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
KELANTAN**

- s.k. 1. YBM Tengku Kaya Perkasa Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
2. YABrs Pengarah Audit Negeri Kelantan

" MEMBANGUN BERSAMA ISLAM "



KERAJAAN MALAYSIA

**Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran
Untuk Pasangan Yang Mengiringi Pegawai
Bagi Menghadiri Majlis Rasmi**

(Kuat kuasa 1 April 2022)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN**ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM****WP1.1 TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN UNTUK PASANGAN YANG MENGIRINGI PEGAWAI BAGI MENGHADIRI MAJLIS RASMI**

Perenggan	Peraturan	Muka Surat
1.	Pendahuluan	3
2.	Tafsiran	3
3.	Syarat-syarat Tuntutan	4
4.	Tanggungjawab Ketua Jabatan	5
5.	Tarikh Kuat Kuasa	5

ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

WP1.1 TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN UNTUK PASANGAN YANG MENGIRINGI PEGAWAI BAGI MENGHADIRI MAJLIS RASMI

1. PENDAHULUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan syarat-syarat tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran kepada Pasangan yang mengiringi Pegawai untuk menghadiri Majlis Rasmi.

2. TAFSIRAN

Dalam Pekeliling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

2.1 "Ketua Jabatan" ertinya seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan atau mana-mana pegawai yang diwakilkan kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan untuk bertindak bagi pihaknya, dan sesuatu Jabatan itu termasuklah –

- (i) sesuatu Kementerian;
- (ii) sesuatu Jabatan Persekutuan di peringkat Persekutuan, wilayah, negeri atau daerah dalam Persekutuan;
- (iii) sesuatu Jabatan Persekutuan di luar negara; dan
- (iv) mana-mana entiti lain dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

2.2 "Majlis Rasmi" ertinya program/ upacara/ lawatan rasmi di peringkat:

- i. Persekutuan yang melibatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/Yang Amat Berhormat Perdana Menteri; dan
- ii. Negeri yang melibatkan Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan/ Raja-raja/ Yang di-Pertua Negeri-negeri/ Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Besar Negeri/ Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar/Ketua-ketua Menteri.

2.3 "Pasangan" ertinya suami atau isteri kepada Pegawai;

2.4 "Pegawai" ertinya semua kategori pegawai yang sedang berkhidmat yang dilantik oleh Suruhanjaya secara tetap, sementara atau kontrak;

2.5 “Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan” ertinya:

- i. bagi Pegawai dalam Perkhidmatan Awam selain Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia
 - Pekeliling Perbendaharaan WP1.4: Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera dan Polis) dan pindaannya;
- ii. bagi Pegawai Polis Diraja Malaysia
 - Pekeliling Perbendaharaan WP1.5: Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia Kerana Menjalankan Tugas Rasmi dan pindaannya; dan
- iii. bagi Pegawai Angkatan Tentera Malaysia
 - Perintah Majlis Angkatan Tentera Bil. 2 Tahun 2020: Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Anggota Angkatan Tentera Malaysia Kerana Menjalankan Tugas Rasmi dan pindaannya.

3. SYARAT-SYARAT TUNTUTAN

3.1 Pegawai yang dititah/diarahkan untuk menghadiri Majlis Rasmi layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran bagi pihak Pasangan yang mengiringi Pegawai untuk menghadiri Majlis Rasmi mengikut kelayakan Pegawai.

3.2 Kelayakan tuntutan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. pegawai dititah/diarahkan untuk menghadiri Majlis Rasmi dan dikehendaki membawa Pasangan bersama;
- ii. Majlis Rasmi yang dihadiri oleh Pegawai melibatkan kehadiran orang-orang kenamaan berikut:

Persekutuan	Negeri/Daerah
i. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong; atau ii. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.	i. Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan/ Raja-raja/ Yang di-Pertuan Besar Negeri/ Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri-negeri; atau ii. Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar/Ketua-ketua Menteri.

- iii. Pegawai yang layak untuk membuat tuntutan ini adalah seperti berikut:
- a) Ketua Setiausaha Negara;
 - b) Ketua-ketua Setiausaha Kementerian;
 - c) YB Setiausaha Kerajaan Negeri;
 - d) Ketua-ketua Jabatan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah; atau
 - e) wakil kepada pegawai di perenggan 3.2 (iii) (a) hingga (d) sekiranya Pegawai yang dititah/diarahkan tidak dapat hadir.

4. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa tuntutan yang dikemukakan oleh Pegawai adalah teratur, munasabah dan berpatutan serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Pekeliling ini.

5. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 April 2022 dan Pekeliling Perbendaharaan WP1.1 bertarikh 3 Julai 2014 adalah dibatalkan.

BIL.	PARA	KANDUNGAN ASAL	KANDUNGAN DIPINDA
1.	2.2	<p>"Majlis Rasmi" ertinya program/ upacara/ lawatan rasmi di peringkat:</p> <p>i. Persekutuan yang melibatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;</p> <p>dan</p> <p>ii. Negeri yang melibatkan Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan/ Raja-raja/ Yang di-Pertua Negeri-negeri/ Tuan Yang Terutama Yang di-Pertuan Besar Negeri/ Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar/Ketua-ketua Menteri.</p>	<p>"Majlis Rasmi" ertinya program/ upacara/ lawatan rasmi/ Majlis Diraja di peringkat:</p> <p>i. Persekutuan yang melibatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/Raja Permaisuri Agong/Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;</p> <p>dan</p> <p>ii. Negeri yang melibatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan/ Duli Yang Maha Mulia Sultanah Kelantan/Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan/Yang Teramat Mulia Che Puan Mahkota Kelantan</p>
2.	3.1	Pegawai yang dititah/diarahkan untuk menghadiri Majlis Rasmi layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran bagi pihak Pasangan yang mengiringi Pegawai untuk menghadiri Majlis Rasmi mengikut kelayakan Pegawai	Pegawai atau/dan pasangan yang dititah/diarahkan untuk menghadiri Majlis Rasmi layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran bagi pihak pasangan yang menghadiri Majlis Rasmi mengikut kelayakan Pegawai.
3.	3.2 (iii)	<p>Pegawai yang layak untuk membuat tuntutan ini adalah seperti berikut:</p> <p>a) Ketua Setiausaha Negara;</p> <p>b) Ketua-ketua Setiausaha Kementerian;</p> <p>c) YB Setiausaha Kerajaan Negeri;</p> <p>d) Ketua-ketua Jabatan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah; atau</p> <p>e) wakil kepada pegawai di perenggan 3.2 (iii) (a) hingga (d) sekiranya Pegawai yang dititah/diarahkan tidak dapat hadir.</p>	<p>Pegawai yang layak untuk membuat tuntutan ini adalah seperti berikut:</p> <p>a) Ketua-ketua Jabatan di peringkat Negeri dan Daerah atau/dan pasangan; atau</p> <p>b) wakil/pasangan kepada pegawai di perenggan (a) sekiranya pegawai yang dititah/diarahkan tidak dapat hadir</p>
4.	3.2(iv) (tambahan)	Tiada	Nama-nama pasangan pegawai yang dititah/diarahkan hadir secara berseorangan terlibat ke Majlis Rasmi hendaklah terlebih dahulu diangkat kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk kelulusan.